



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN DI ANTARA JANGKAAN PRESTASI, USAHA DAN SOSIAL PERNIAGAAN DALAM TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH PERNIAGAAN UNIKL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NUR ADILAH BINTI MOHD AKHIR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN DI ANTARA JANGKAAN PRESTASI,USAHA,SOSIAL DENGAN
PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KALANGAN PELAJAR
UNIKL BUSINESS SCHOOL**

NUR ADILAH BINTI MOHD AKHIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PENGURUSAN PERNIAGAAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/PS/3/B/032
Print | 00 msr. 171

Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyeleksian
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 (hari bulan) 10 (bulan) 20 23

i. Perakuan pelajar :

Saya, HUR ADILAH BINTI MOHD AKBIRR, M00181000600, FAKULTI PENGGURUSAN DAN EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bawah disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN DI ANTARA JANGKAAN PRESTASI, USAHA DAN SOSIAL PERNIAGAAN DALAM TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH PERIBAGAAN UNIKL

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apakah petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Nurul Fadly

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR NURUL FADLY BINTI HABIDIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN DI ANTARA JANGKAAN PRESTASI, USAHA DAN SOSIAL PERNIAGAAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH PERIBAGAAN UNIKL

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepuhunya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENGGURUSAN PERNIAGAAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

16/10/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Nurul Fadly Habidin
 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 fadly@fpe.upsi.edu.my
 013-5875597



UPSI/IPS/3/B0.3F
Print: 91ms 1/1INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: _____
HUBUNGAN DI ANTARA JANGKAAN PRESTASI USHA DAN SOSIAL PERBAGAIAN
DALAM TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH PERHHAGAAN (U) BKLNo. Matrik /Matric's No.: _____
M20181056600Saya / I : _____
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

 SULIT/CONFIDENTIALMengandungi maklumat yang berderaja keseksyenan atau
keperibadian atau sejenis yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. | Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972 **TERHAD/RESTRICTED**Menyandung maklumat tertentu yang telah ditentukan oleh
organisasibidan di mana penyelidikan dijalankan. | Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS***ella*

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Nurul Fadly Habidin**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi****Universiti Pendidikan Sultan Idris****fadly@upsi.edu.my**

019-5976696

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat dari organisasi tersebut berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu diketahui sebagai berikut:Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period
and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S. A. W. Saya ingin merakamkan setinggi- tinggi penghargaan dan terima kasih khusus kepada penyelia Dr.Nurul Fadly Bin Habidin di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan dan tidak berbelah bahagi. Tanpa bimbingan beliau, tidak mungkin projek ini dapat disiapkan dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada keluarga tersayang dan sahabat yang telah banyak memberi sokongan dan bantuan kepada saya sepanjang kursus Ijazah Sarjana Pendidikan, jasa dan budi kalian akan dikenang selagi nyawa di kandung badan. Segala tunjuk ajar kalian amat dihargai. Semoga Allah membalas budi baik semua pihak terlibat secara langsung dan tidak langsung. Sekian Terima Kasih.





ABSTRAK

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor jangkaan prestasi,jangkaan usaha, jangkaan sosial dalam kalangan pelajar tahun akhir di sekolah perniagaan UniKL dengan perniagaan secara dalam talian. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif telah dipilih dan seramai 66 orang pelajar tahun akhir program pemasaran dan perniagaan antarabangsa telah digunakan dalam kajian ini. Selain itu, dalam kajian ini persampelan rawak mudah telah digunakan dan satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang mengandungi 28 item. Analisis statistik yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian kenormalan dan analisis korelasi. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian adalah 0.84. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 25. Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa hubungan yang signifikan dalam penerimaan perniagaan secara dalam talian di kalangan pelajar tahun akhir dalam program pemasaran dan perniagaan antarabangsa bagi konstruk prestasi ialah ($r = .543$), usaha ($r = .848$) dan sosial ($r = .695$). Kesimpulannya, penerimaan perniagaan secara dalam talian dalam kalangan pelajar adalah baik. Kajian ini menunjukkan bahawa jangkaan prestasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat tingkah laku dan ini bermakna pelajar percaya bahawa perniagaan dalam talian ini akan membantu dalam meningkatkan prestasi perniagaan. Implikasinya, pengajian dalam bidang perniagaan di institusi terutamanya dalam perniagaan secara dalam talian memberi kesedaran awal dan memberi kesan yang baik kepada pelajar selepas tamat sahaja pengajian di institusi nanti.





THE RELATIONSHIP BETWEEN PERFORMANCE EXPECTATION, EFFORT, AND SOSIAL FACTORS OF ONLINE BUSINESS AMONG THE UNIKL BUSINESS SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

The objective of this study is to identify the factors of performance expectation, effort expectation, and social expectation among final year students at the UniKL Business School with regard to online businesses. A quantitative research design was selected and a total of 66 final year students from the marketing and international business program were included in this study. A simple random sampling method was employed, and a questionnaire consisting of 28 items was used as the research instrument. The statistical analyses used in this study included normality tests and correlation analysis. The reliability coefficient of the research instrument was found to be 0.84. Data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 25. Overall, the study found that there is a significant relationship in the acceptance of online businesses among final year students in the marketing and international business program for the constructs of expectation performance ($r = 0.543$), effort ($r = 0.848$), and social ($r = 0.695$). In conclusion, the acceptance of online businesses among students is positive. This study indicates that performance expectation has a significant relationship with behavioral intention, which means that students believe that online businesses will contribute to improving business performance. The implication is that studying business related fields at institutions, especially in online business, provides early awareness and has a positive impact on students after completing their studies at the institution.





ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	5
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	14
1.9 Kerangka Teori	15
1.10 Kerangka Kajian	16





1.11 Definisi Operasional	17
1.11.1 Perniagaan Atas Talian	17
1.11.2 Penerimaan	18
1.11.3 Jangkaan Prestasi	18
1.11.4 Jangkaan Usaha	19
1.11.5 Pengaruh Sosial	19
1.11.6 Niat Tingkah Laku	20
1.11.7 Usahawan	20
1.12 Rumusan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
2.2 Perniagaan dalam Talian	21
2.3 Bidang Perniagaan Terhadap Pelajar	25
2.4 <i>Unified Theory of Acceptance and Use of Technology</i> (UTAUT)	28
2.5 Faktor Penglibatan dalam Bidang Perniagaan	32
2.5.1 Jangkaan Prestasi	32
2.5.2 Jangkaan Usaha	35
2.5.3 Pengaruh Sosial	37
2.5.4 Niat Tingkah Laku	40
2.6 Rumusan	44

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	45
3.2 Reka Bentuk Kajian	46
3.3 Populasi dan Persampelan	48
3.4 Instrumen Kajian	49





3.5	Prosedur Kajian	52
3.6	Kebolehpercayaan dan Kesahan	55
3.7	Kajian Rintis	56
3.7.1	Kesahan Instrumen	57
3.7.2	Kebolehpercayaan Instrumen	59
3.8	Analisis Data	60
3.9	Kesimpulan	61

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	62
4.2	Analisis Deskriptif	63
4.3	Ujian Kenormalan Data	64
4.4	Tahap Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Jangkaan Pengaruh Sosial Dan Faktor Tingkah Laku Niat.	66
4.5	Analisis Korelasi	69
4.5.1	Objektif 1: Mengenalpasti Hubungan Diantara Jangkaan Prestasi Dengan Tingkah Laku Niat.	70
4.5.2	Objektif 2: Mengenalpasti Hubungan Diantara Jangkaan Usaha Dengan Tingkah Laku Niat.	71
4.5.3	Objektif 3: Mengenalpasti Hubungan Diantara Jangkaan Sosial Dengan Tingkah Laku Niat	72
4.6	Rumusan	73

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

5.1	Pendahuluan	74
5.2	Ringkasan Kajian	74
5.3	Perbincangan	76





5.3.1	Adakah Terdapat Hubungan Antara Faktor Pengaruh Penerimaan bagi Perniagaan Dalam Talian Dengan Jangkaan Prestasi, Usaha dan Pengaruh Sosial.	76
5.3.2	Apakah Nilai Tahap Hubungan Antara Faktor Pengaruh Penerimaan bagi Perniagaan Dalam Talian Dengan Jangkaan Prestasi, Usaha dan Pengaruh Sosial.	79
5.4	Cadangan	80
5.5	Implikasi	81
5.6	Rumusan	83
RUJUKAN		85
LAMPIRAN		92





SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
2.1 Model UTAUT yang Berdasarkan Dari Lapan Buah Model Teori Penerimaan	28
3.1 Sumber Asal Soal Selidik Bagi Adaptasi Instrumen Soal Selidik	50
3.2 Item dalam Borang Soal Selidik	51
3.3 Skor Skala Likert 5-poin	52
3.4 Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan	56
3.5 Ulasan Pakar Penilai Terhadap Soal Selidik	58
3.6 Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik bagi Kajian Rintis	59
3.7 Analisis Pengelasan Skor Min Dan Tahap Penilaian	61
4.1 Profil Responden	64
4.2 Ujian Normaliti	65
4.3 Jangkaan Prestasi	66
4.4 Jangkaan Usaha	67
4.5 Jangkaan Sosial	68
4.6 Tingkah Laku Niat	69
4.7 Penerangan berkaitan Correlation Coefficient oleh Guilford's Rule of Thumb	69
4.8 Hubungan Diantara Jangkaan Prestasi Dengan Tingkah Laku Niat.	70
4.9 Hubungan Diantara Jangkaan Usaha Dengan Tingkah Laku Niat.	72
4.10 Hubungan Diantara Jangkaan Sosial Dengan Tingkah Laku Niat.	72





SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
1.1 <i>Model Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT) (Sumber: Venkatesh et al.2003)</i>	16
1.2 Kerangka Kajian	17
3.1 Carta Alir Prosedur Kajian	54
4.1 QQplot bagi Setiap Pembolehubah	65





SENARAI SINGKATAN

IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TAM	<i>Technology Acceptance Model</i>
TED	<i>Majlis Technology, Entertainment, Design</i>
TPB	<i>Theory of Planned Behaviour</i>
TRA	<i>Theory of Reasoned Action</i>
UBIS	<i>Universiti Business School</i> Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
UNIKL	Universiti Kuala Lumpur
UTAUT	<i>Unified Theory of Acceptance and Use of Technology</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Kajian (Soal Selidik)
- B Surat Akuan Pakar Pengesahan Soal Selidik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Zaman sekarang terdapat ramai usahawan muda yang menjalankan perniagaan atas talian. Kaedah pemasaran secara atas talian merupakan platform utama yang digunakan untuk menyampaikan maklumat tentang perniagaan kepada pembeli yang di sasarkan. Menurut Faradillah Iqmar et al. (2015), penggunaan internet merupakan platform yang membantu melahirkan ramai peniaga terutamanya dalam kalangan pelajar-pelajar yang mana menceburi perniagaan dalam talian.

Tambahan pula, Laporan Digital Global Overview (2020) bilangan yang menggunakan internet ialah melebihi daripada 4.5 bilion orang dan separuh daripada itu menggunakan media sosial. Sehubungan dengan itu penggunaan media sosial ini membantu mempengaruhi seseorang individu dalam melibatkan diri dalam bidang keusahawanan (Wei et al., 2020).





Dengan ada teknologi ini memberi peluang kepada pelajar ataupun bakal usahawan untuk memasuki dunia keusahawanan teknologi ini dengan kos permulaan yang sangat rendah. Selain itu, menurut Faradillah et al. (2019) dengan adanya media sosial seperti facebook, instagram, dan twitter yang digunakan oleh pengguna dalam membantu urusan perniagaan yang dijalankan secara atas talian. Menurut Bakar et al. (2016) dengan perubahan teknologi telah membuka banyak peluang dalam bidang keusahawanan ini.

Selain itu, perubahann yang berlaku terhadap teknologi ini semakin cepat dan telah berlakunya perubahan yang lebih besar dalam landskap perniagaan di dunia. Sehubungan dengan itu, perkembangan teknologi telah membantu transformasi daripada perniagaan secara konvensional kepada perniagaan atas talian . Tambahan pula e-dagang ini bermula pada awal tahun 1970-an lagi, yang mana ketika itu penggunaan teknologi masih terbatas lagi kepada perusahaan kecil sahaja. Ismail Zain telah membuka satu lembaran baru dan membuka pintu kepada dunia digital dan bidang perniagaan, malah Malaysia Super Corridor(MSC), TMK memacu Malaysia ini kepada sebuah negara yang berdaya maju dan kempetitif dan seiring dengan cabaran globalisasi dan era teknologi maklumat (Sharulnizam Ramli, et al., 2015).

Tambahan pula, pengguna yang aktif menggunakan media sosial di Malaysia ini merupakan golongan yang berumur 18 hingga 34 tahun (Statista, 2020). Sekarang ramai pelajar dan pengguna internet yang berminat untuk memilih pemilihan kerjaya dalam perniagaan atas talian (Nurulhayah et al., 2018). Bagi pelajar, mereka menggunakan internet untuk bersosial dan berkongsi minta,





mendapatkan maklumat dan ada juga yang menggunakan untuk meluahkan perasaan (Normah et al., 2013). Menurut Ahmad Fkrudin dan Wan Norina (2015), di media sosial ini terdapat juga unsur-unsur yang negatif dan ini bergantung kepada pelajar untuk menggunakan media sosial ini untuk perkara yang berfaedah mahupun yang sebaliknya.

Sehubungan dengan itu, perniagaan atas talian ini sentiasa menjadi perhatian dan berlaku perubahan mengikut peredaran zaman. Sehubungan dengan itu, Malaysia juga sudah beralih kepada era digital yang di mana terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan kepada peniaga untuk bergiat lebih aktif dalam perniagaan dalam talian seperti kemudahan internet dan pelbagai platform yang boleh digunakan untuk memperkenalkan barang niaga kepada pelanggan

(Faradillah Iqmal, 2017)



Selain itu, kemudahan teknologi maklumat yang pantas pada masa kini menjadikan satu keperluan kepada masyarakat (Nur Yuhainis & Shuhymee, 2017). Dengan itu, perniagaan atas talian ini menjadi keutamaan dalam memberi kemudahan semasa proses jual beli malah mudah dan selamat untuk peniaga. Bagi perniagaan atas talian ini banyak memudahkan proses penjualan produk berbanding dengan penjualan secara “offline”

Walaubagaimanapun, internet juga penting di dalam bidang komunikasi dan maklumat. Dengan ada nya internet ini membuatkan manusia mempunyai dua alam yang berbeza iaitu alam maya dan alam realiti. Menurut Nugraha dan Dewi (2015) mengatakan bahawa jaringan komputer ini dapat menghubungkan pengguna





dari pada tempat yang berbeza dan membantu dalam kemudahan komunikasi pada masa kini. Menurut Jailani (2015), bilangan yang aktif dalam menggunakan internet melebihi 20.1 juta dan melihatkan rakyat Malaysia semakin menuju ke arah hidup yang lebih berteknologi digital. Selain itu, Noor Afiza (2017) seramai 69% penduduk di Malaysia kini menggunakan internet bagi tujuan melayari media sosial seperti Instagram, Facebook dan Twitter.

Walaubagaimanapun, negara-negara Asia yang lain termasuk Malaysia semakin mantap dalam penggunaan teknologi terutamanya dalam aspek pendidikan dan kehidupan harian (Guo & Liu, 2016). Oleh itu, dapat dilihat bahawa pengguna internet bukan hanya digunakan dalam kalangan profesional dan berkerjaya tapi juga didominasi oleh golongan yang tidak berkerjaya seperti orang tua dan suri rumah.



Dapat dilihat perubahan teknologi sekarang seiring dengan usaha dunia beralih ke industri 4.0. Menurut Westerman, Spence, & Van Der Heide, (2014) mengatakan dengan adanya teknologi secara atas talian ini khususnya media sosial yang telah menjadi satu platform untuk berkomunikasi dalam aktiviti harian, pengurusan dan pentadbiran bagi sesebuah organisasi. Tambahan pula, menurut Mohd Saleh (2018) penggunaan internet di Malaysia berada dalam lingkungan 64 buah negara yang mempunyai pembangunan dalam penggunaan teknologi. Justeru itu, dapat lihat pihak kerajaan mengambil langkah yang cekap dan pantas dalam memberikan perkhidmatan kepada penduduk Malaysia. Antara tindakan yang kerajaan lakukan ialah peningkatan sistem penyampaian maklumat di laman media sosial (Mohd Saleh et al., 2018).





1.2 Latar Belakang

Dengan penglibatan para siswazah dalam program pembangunan siswazah bagi tujuan membantu melahirkan usahawan dalam kalangan siswazah bagi membentuk keyakinan mereka, daya saing tinggi dan dapat membantu menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara (Mohamad Rezal et al., 2009). Sehubungan dengan itu, dapat dilihat bahawa kebanyakkan institusi pengajian tinggi mula beralih kepada kursus- kursus pengajian supaya dapat merangkumi aspek keusahawanan bagi membantu mengubah persepsi, minat dan membantu pelajar lebih menceburi bidang keusahawanan sebagai sebuah kerjaya selepas sahaja tamat pengajian nanti (Gabriela et al., 2020). Namun, para graduan masih merasa rugi bila mana terlibat dalam bidang perniagaan yang tidak selari dengan bidang pengajian mereka, ditambah dengan stigma masyarakat yang anggap ia sebagai satu kegagalan.



Sehubungan dengan itu, Kementerian Pembangunan Usahawan (2019) juga menggalakan para pelajar dalam bidang keusahawanan dengan menggunakan teknologi ini bagi membantu melahirkan ramai usahawan yang lebih aktif dalam bidang perniagaan. Dengan ada teknologi ini membantu pelajar dalam mencipta sendiri peluang perniagaan yang boleh dilakukan secara atas talian (Finkle n.d). Dalam usaha membangunkan para pelajar dengan penggunaan teknologi dalam bidang keusahawan ini dapat menyumbangkan peningkatakan dalam ekonomi negara (Siti Masayu,2016) . Sehubungan dengan itu, bagi pelajar perlulah manfaatkan peluang penggunaan teknologi dan meneroka sehabis baik ilmu teknolgi ini dalam aktiviti keusahawanan (Faizal,2019).



Menurut World Economic Forum (2016) kerancakan Revolusi Industri 4.0 semakin meningkat dan setiap individu bergerak dengan lebih pantas seiring transformasi dalam pembangunan sistem. Justeru itu, pelajar merupakan golongan yang mudah menerima dan dapat menyesuaikan diri dalam perubahan teknologi yang sangat pantas, malah dapat membantu dalam rangkaian sosial, serta peluang pelajar untuk lebih produktiviti dalam pekerjaan (Picatoste et al., 2018). Walaubagaimanapun, Faradillah et al (2019) mengatakan bahawa dengan adanya sosial media seperti, Facebook, Instagram dan Twitter membantu merancakkan lagi dalam perniagaan atas talian.

Dengan adanya perkembangan dalam ICT ini di Malaysia telah menjadikan bidang keusahawanan secara atas talian ini sebagai satu tren terkenal di dalam kalangan usahawan di Malaysia (Mohd Raduan, 2019). Makna, bagi keusahawanan perniagaan atas talian ini adalah menggunakan ICT dalam menguruskan perniagaan mereka. Selain itu, bagi seseorang usahawan perlulah berani mengambil risiko dan merebut peluang dalam perniagaan. Risiko yang dimaksudkan ialah cabaran-cabaran yang bakal usahawan hadapai semasa melakukan perniagaan secara atas talian ini. Usahawan perlulah berani dalam menghadapai sebarang cabaran yang mendatang tidak kira sama ada cabaran itu datang dalam kawalan atau di luar kawalan.

Selain itu, menurut Norasmah dan Sumathy (2012) mengatakan keusahawanan merupakan pemancu perkembangan ekonomi negara serta dapat menjamin keseluruhan hidup masyarakat dalam keadaan baik. Justeru itu, bagi pihak IPT perlu melaksanakan penerapan kemahiran keusahawanan ini di kalangan



pelajar supaya mereka dapat melaksanakan perniagaan sendiri selepas tamat pengajian.

Di samping itu, pelajar-pelajar perlulah memperbetulkan sikap, minat dan persepsi mereka dalam bidang keusahawanan ini supaya mereka lebih memilih bidang keusahawanan ini sebagai salah satu peluang pekerjaan setelah tamat pengajian (Nasharudin dan Harun, 2010).

Tambahan pula, menurut Mohamad dan Othman (2018) persaingan sengit dalam pasaran profesional pada masa kini tidak hanya cukup dengan kemahiran akademik sahaja yang mana tidak menjamin seseorang pelajar itu akan memperolehi pekerjaan. Kebanyakan majikan pada masa kini, tidak hanya memandang kepada prestasi akademik sahaja tetapi majikan melihat kepada penguasaan kemahiran insaniah graduan dalam pemilihan bakal pekerja.

Selain daripada itu, menurut kajian Collins (2002) mengatakan bahawa usahawan- usahawan berbangsa cina di Australia sangat berkembang dengan jayanya ini keranamereka lebih berminat dengan mengendalikan sesuatu perniagaan bersama dengan keluarga berbanding bekerja di bawah seliaan individu lain. Keluarga yang memberi pandangan positif terhadap sesuatu perkara seperti kebolehan dan keupayaan yang mana diharapkan di dalam keusahawanan.

Bagi golongan muda seperti pelajar di Uniiversiti dibudayakan untuk memilki fikiran seperti seorang usahawan. Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar yang berfikiran seperti usahawan tidak akan bergantung kepada individu yang lain





dalam memperolehi pekerjaan. Malah, pelajar-pelajar akan lebih berani menceburi dalam bidang keusahawanan dan bilangan pelajar yang menceburi bidang keusahawanan ini akan meningkat (Gabriela,2020).

1.3 Penyataan Masalah

Masyarakat sekarang ramai yang menggunakan internet dan kini menjadikan dunia tanpa sempadan. Penggunaan internet bukan sahaja tempat untuk mencari pelbagai maklumat atau pendidikan malah internet sudah menjadi tempat untuk masyarakat mencari pendapatan.

Walaubagaimanapun,, pihak universiti juga memainkan peranan yang penting dalam membantu meningkatkan ekonomi di Malaysia dengan menyediakan pendidikan keusahawanan kepada pelajar dan menyediakan juga platform yang selamat kepada pelajar bagi membantu memulakan kerjaya dalam bidang perniagaan (Fatoki and Oni 2014).Namun begitu, dalam pendidikan keusahawanan ini juga masih dipandang rendah oleh kebanyakkhan pelajar. Malahan, pelajar-pelajar juga tidak lihat peluang yang mereka bakal terima apabila melibatkan diri dalam dunia pernigaan yang mana bidang ini merupakan salah satu jaminan dalam masa depan mereka (Norasmah 2011)

Selain itu, menurut Kumar dan Kurniawan (2019), Kerajaan telah menyarankan pihak sekolah dan institusi pengajian tinggi bertanggungjawab dalam melahirkan usahawan yang berkualiti . Dengan itu, kerajaan juga telah berhasrat bagi menjadikan Malaysia ini sebuah negara keusahawanan menjelang





2030. Walaubgaimanapu, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (PTK IPT) 2021 – 2025 bagi memperbanyakkan pelajar melibatkan diri dalam institusi keusahawanan dan membantu pelajar juga mempunyai kerjaya dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian.

Menurut Laporan Pengesanan Graduan TVET 2020, mendapati 72.8% graduan, iaitu 1893 orang masih belum mendapat pekerjaan dan masih mencari pekerjaan (Hassan et al. 2020) . Walaupun kerjaan telah membuat pelbagai rancangan untuk meningkatkan kemahiran dan memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar, namun pelajar masih kurang berminat dalam bidang keusahawanan dan usaha ini juga dikatakan masih gagal (Hoe et al., 2012; Aishah et al., 2010).



Justeru itu, pelbagai perancangan telah dilaksanakan untuk meningkatkan minat di kalangan rakyat Malaysia dalam menceburi bidang keusahawanan (Samsudin, et al. 2016), Mengikut pada kajian yang lebih mengatakan bahawa penglibatan dalam bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar adalah masih rendah (Nawang et al., 2016). Kebanyakan rakyat di Malaysia terutamanya di kalangan pelajar universiti lebih memilih untuk bekerja dalam sektor awam mahupun swasta daripada bergelar sebagai usahawan (Sarif & Amran, 2006) tetapi untuk mendapatkan pekerjaan dalam pasaran adalah terhad (Abbas, 2015) yang mana turut menyumbangkan dalam masalah pengangguran di kalangan pelajar universiti.





Selain itu, dengan penglibatan rakyat Malaysia dalam bidang keusahawanan ini dapat membantu dalam mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia (Salleh et al., 2016). Sehubungan dengan itu, untuk meningkatkan bilangan rakyat Malaysia terutamanya di kalangan pelajar untuk mencerburi bidang keusahawanan ini, terdapat pelbagai strategi yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan iaitu Kementerian Pengajian Tinggi telah memberi fokus kepada pelajar di universiti untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian. Namun begitu, statistik menunjukkan bahawa prestasi di Universiti Malaysia dalam melahirkan pelajar yang memilih keusahawanan ini sebagai sebuah kerjaya adalah masih rendah. Dalam kajian sebelum ini ada mengatakan bahawa jurang di antara jangkaan kerajaan terhadap penglibatan belia dalam keusahawanan dengan bilangan penglibatan belia yang sebenar (Mustapha & Selvaraju, 2015). Dengan melihat kekurangan masyarakat Malaysia dalam melibatkan diri dalam bidang keusahawanan memerlukan pengkaji selanjutnya mengenalpasti faktor yang mendorong seseorang pelajar itu melibatkan diri dalam bidang keusahawanan supaya agenda negara dalam meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawan dapat ditingkatkan.

Justeru itu, dalam kajian yang lepas banyak isu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar telah dibincangkan tetapi terhad kepada persekitaran negara maju (Sandhu et al., 2010). Selain itu, dalam kajian tentang sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar di Malaysia masih sedikit (Pihie & Bagheri, 2011). Dalam kajian yang lepas banyak menemui kajian yang pelbagai



sekaligus menunjukkan persoalan penyelidikan tentang faktor kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar yang mana masih merupakan isu kajian yang sedang berkembang pesat.

Pelajar merupakan responden adalah satu kumpulan manusia yang datangnya dari pelbagai ciri-ciri yang unik dan menjadikan sesebuah kesimpulan itu dilaksanakan berhati-hati. Dalam kajian yang lepas, Franke dan Luhthje (2004) mengatakan bahawa terdapat perbezaan terhadap kecenderungan keusahawanan antara universiti yang berbeza. Justeru itu, dapat dilihat faktor yang mendorong pelajar dalam melibatkan diri dalam bidang keusahawanan ini antaranya latar belakang pelajar, persekitaran sesebuah universiti dan penglibatan dalam aktiviti keusahawanan. Dalam kajian yang lepas, Nasharudin dan Harun (2010) mengatakan terdapatnya hubungan yang signifikan antara latarbelakang bidang akademik dan kecenderungan keusahawanan.

1.4 Objektif Kajian

Selari dengan pengenalan dan pernyataan masalah yang dibentangkan di atas, kajian ini menetapkan objektif untuk mengenalpasti sejauh mana pengaruh penerimaan perniagaan atas talian (jangkaan prestasi, jangkaan usaha, dan pengaruh sosial) terhadap niat tingkah laku dalam kalangan pelajar.

- i. Mengenal pasti hubungan antara faktor jangkaan prestasi dengan niat tingkah laku dalam kalangan pelajar terhadap perniagaan atas talian.

- ii. Mengenal pasti hubungan antara faktor jangkaan usaha dengan niat tingkah laku dalam kalangan pelajar terhadap perniagaan atas talian.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara faktor jangkaan pengaruh sosial dengan niat tingkah laku di kalangan pelajar terhadap perniagaan atas talian.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah hubungan antara faktor jangkaan prestasi dengan niat tingkah laku di kalangan pelajar terhadap perniagaan atas talian.
- ii. Apakah hubungan antara faktor jangkaan usaha dengan niat tingkah laku di kalangan pelajar terhadap perniagaan atas talian.



- iii. Apakah hubungan antara faktor jangkaan pengaruh sosial dengan niat tingkah laku di kalangan pelajar terhadap perniagaan atas talian.

1.6 Hipotesis Kajian

Ho1 = Tiada hubungan yang signifikan di antara jangkaan prestasi dengan niat tingkah laku

Ho2 = Tiada hubungan yang signifikan di antara jangkaan usaha dengan niat tingkah laku

Ho3 = Tiada hubungan yang signifikan di antara pengaruh sosial dengan niat tingkah laku



1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan dalam kajian ini adalah, memahami sebab-sebab mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap perniagaan atas talian. Kajian ini adalah penting bagi meningkatkan lagi kesedaraan pelajar-pelajar di luar sana tentang kelebihan menceburkan diri dalam perniagaan atas talian.

Selain itu, dengan kesedaran pelajar dalam perniagaan atas talian ini akan dapat membantu dalam masalah pengangguran dan ekonomi negara. Kajian ini juga dapat membantu dalam mengenalpasti penerimaan perniagaan atas talian ini di kalangan pelajar berdasarkan jangkaan pretasi, jangkaan usaha dan pengaruh sosial.

Hasil daripada kajian ini juga, dapat membantu pihak Universiti mengesahkan masalah utama pelajar tidak melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Hasil kajian ini dapat membantu pihak Universiti supaya lebih proaktif dimasa hadapan sebagai contohnya memperkenalkan satu projek kepada pelajar untuk membantu mereka lebih mahir bermula. Ini juga akan meningkatkan keyakinan dan semangat pelajar dalam menjalankan sesbuah perniagaan tidak kira bermula secara offline maupun online.

Justeru itu, kajian ini juga dapat menyumbangkan ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan. Melalui kajian ini juga, pihak kerajaan boleh menggunakan dapatan kajian untuk merangka program dan kaedah bagi membantu merangsangkan para pelajar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian kelak.





Selain itu, agensi-agensi bukan kerajaan juga boleh menggunakan dapatan kajian ini dengan mengusahakan penyediaan kemudahan dan peruntukan kewangan yang lebih efektif dan sistematik berpandukan maklumat-maklumat daripada kajian ini. Bagi golongan pendidik dan pihak pentadbiran institusi pengajian dapat memanfaatkan hasil kajian ini dengan memperkemaskan kursus dan kurikulum pembelajaran yang sedia ada agar budaya keusahawanan ini dapat diterapkan dengan sebaiknya kepada pelajar.

1.8 Batasan Kajian

Batasan dalam kajian ini, hanya melibatkan soal selidik sahaja dan maklum balas daripada responden adalah terbatas dengan soalan-soalan yang dikemuakan sahaja.

Malah kebolehpercayaan dalam hasil kajian ini bergantung kepada kefahaman, keikhlasan dan kesungguhan responden dalam menjawab soalan yang diberikan.

Tambahan pula, kajian ini hanya dilakuakn kepada pelajar Unikl Business School sahaja. Penyelidik akan menjalankan segala analisis data berdasarkan jawapan yang diberikan oeh responden yang merupakan pelajar tahun akhir di Unikl Business School. Kajian juga tidak merangkumi padangan umum. Walaubagaimanapun, tujuan penyelidik mengedarkan borang selidik secara terhadad adalah untuk kajian ini di analisa.

Dalam kajian ini juga terbatas disebabkan oleh borang selidik yang diberikan secara atas talian ini hanya kepada 66 orang responden sahaja. Kajian ini juga hanya fokuskan kepada dua jurusan sahaja iaitu pelajar dalam bidang





pemasaran dan international business. Kajian ini juga tertumpu kepada jurusan perniagaan sahaja.

1.9 Kerangka Teori

(a) Unified Theory Acceptance and Use of Technology (UTAUT)


Dalam penyelidikan kerangka teori sangat diperlukan dan menurut Noraini (2010), kerangka kajian merupakan alat yang membantu dalam penyelidikan. Tambahan pula, menurut beliau kerangka kajian ini juga terhasil daripada objektif kajian bagi sesuatu penyelidikan dan juga berdasarkan daripada teori-teori yang diberikan oleh ahli-ahli akademik yang dahulu.



Model Unified Theory Acceptance and Use of Technology (UTAUT) ini merupakan salah satu faktor-faktor yang melibatkan penerimaan teknologi informasi oleh individu, yang dikembangkan oleh Venkatesh, et al (2003). Tambahan pula, untuk teori ini terbentuk melalui lapan buah teori penerimaan teknologi yang terdahulu (Venkatesh, Morris et al. 2003). Teori ini juga dibina berdasarkan persamaan pembolehubah-pembolehubah yang terdapat pada teori-teori terdahulu. Teori-teori terdahulu seperti Theory of Reasoned Action (Fishbein & Ajzen, 1975), Theory of Planned Behavior (Ajzen, 1991), Technology Acceptance Model (Davis, 1989), Gabungan TAM dan TPB (Taylor & Todd, 1995), Motivational Model (Davis, Bagozzi, & Warshaw, 1992), Model of PC Utilization (Ronald & Howell, 1991), Innovation Diffusion Theory (Rogers Everett, 1995) dan Social Cognitive Theory (Bandura, 1986).



Tambahan pula, bagi model UTAUT ini mempunyai empat pembolehubah tidak bersandar iaitu jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan kemudahan keadaan serta empat moderator yang berperanan penting iaitu umur, jantina, pengalaman dan sukarela ke atas pembolehubah bersandar niat tingkah laku dan penggunaan teknologi.




Rajah 1.1. Model Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT)
(Sumber: Venkatesh et al. 2003)

1.10 Kerangka Kajian

Kerangka konseptual merupakan konstruk atau pembolehubah yang difikirkan yang mempunyai hubungan yang sama satu sama lain yang ingin dikaji oleh penyelidik (Chua, 2006). Dalam kajian ini terdapat tiga perkara yang utama yang ingin diukur iaitu jangkaan prestasi, jangkaan usaha dan pengaruh sosial bagi niat tingkah laku

Kerangka kajian digunakan di dalam kajian dan merupakan adaptasi dari model kajian yang sudah ada sebelumnya. Penelitian daripada Madigan et al. (2016) yang bertajuk, “Acceptance of Automated Road Transport System (ARTS): an adaptation of the UTAUT model”. Rajah 2 merupakan kerangka kajian yang digunakan dalam penelitian ini



Rajah 1.2. Kerangka Kajian

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang bantu menerangkan perbendaharan kata. Marican (2005) mengatakan, definisi bagi operasi merupakan konsep yang membolehkan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur dan dimanipulasi. Antaranya ialah:

1.11.1 Perniagaan Atas Talian

Sebelum kewujudan internet, bagi peniaga sebelum ini hanya menggunakan pengiklanan Tv, Radio, atau bercetak untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang dijalankan. Sekiranya iklan tersebut mendapat sambutan maka jualannya akan melonjak tinggi. Tambahan pula, berbeza dengan senario sekarang yang mana



perniagaan hari ini tidak lagi menggunakan iklan-iklan secara offline ataupun menggunakan platform Tv atau Radio ini kerana wujudnya pelbagai platform dalam media sosial seperti facebook, instagram dan lain-lain lagi yang mana peniaga-peniaga ini menjual barang mereka dan memudahkan pelanggan mencari dan membeli

Musbri Mohamed (2011), mengatakan bahawa perniagaan atas talian adalah sektor perniagaan yang menggunakan peralatan serta infrastruktur teknologi komunikasi dan maklumat. Perniagaan atas talian ini dijalankan secara atas talian, di mana ia menggunakan internet sebagai medium untuk berkomunikasi dengan penjual dan pembeli. Perniagaan atas talian ini juga sama dengan perniagaan secara luar talian di mana ia masih memerlukan modal untuk menjalankan jualan, melakukan promosi ke atas barang untuk menarik pelanggan untuk mendapatkan dan membeli produk.



1.11.2 Penerimaan

Penerimaan dalam kajian ini menggambarkan kesediaan pelajar dalam melibatkan diri dalam perniagaan atas talian setelah tamat pengajian kelak. Yang Justeru itu, penerimaan dalam perniagaan atas talian ini di lihat melalui penerimaan dalam jangkaan prestasi, jangkaan usaha dan penagruh sosial.

1.11.3 Jangkaan Prestasi

Jangka prestasi merupakan konstruk yang ada dalam model UTAUT dan UTAUT2. Jangkaan prestasi menurut Huang dan Kao (2015) menepati jangkaan prestasi





memberikan kesan kepada persepsi kegunaan, motivasi ekstrinsik dan kesesuaian kerja. Dalam kajian ini, jangkaan prestasi didefinisikan sebagai faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menerima digital keusahawanan.

1.11.4 Jangkaan Usaha

Dalam kajian ini jangka usaha dapat didefiniskan sebagai tahap mudah yang berkaitan pelajar dengan digital keusahawanan. Tambahan pula, menurut Venkatesh et al. (2003), faktor ini telah di lihat dan diperolehi daripada kemudahan yang dilihat penggunaan faktor seperti dicadangkan dalam model Technology Acceptance Model (TAM)



1.11.5 Pengaruh Sosial

Dalam kajian ini, pengaruh sosial dapat diperkatakan bahawa ada pihak yang berkepentingan kepada pelajar yang dapat mempengaruhi tingkah laku pelajar tersebut. Malahan pengaruh sosial ini juga mempunyai persamaan dengan faktor “norma subjektif” sebagaimana yang ditakrifkan dalam Technology Acceptance Model (TAM) 2, lanjutan daripada TAM. Menurut Moore dan Benbasat (1991) mendefinisikan bahawa pengaruh sosial adalah sejauh mana seseorang itu menggunakan inovasi teknologi untuk meningkatkan status individu dalam kumpulan sosial mereka.





1.11.6 Niat Tingkah Laku

Menurut Burke (2002) niat tingkah laku memainkan peranan penting dalam tingkah laku sebenar. Di dalam kajian ini niat tingkah laku merujuk kepada pelajar dalam menggunakan digital dalam bidang keusahawanan ataupun tidak menggunakan.

1.11.7 Usahawan

Usahawan berasal daripada perkataan usaha yang bermaksud daya usaha, ikhtiar, kegiatan dalam melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu pekerjaan. Usahawan juga dikatakan sebagai seseorang yang sanggup memikul tugas atau mencuba sesuatu.



1.12 Rumusan

Pada bahagian baba ini, pengkaji menceritakan perjalanan kajian ini dengan menyatakan pemasalahan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian yang berkaitan dengan faktor-faktor penerimaan digital keusahawanan kepada pelajar.

